

R & D akuakultur ditubuh

US - 9/10/2009 - Friday

Pelabur Taiwan labur RM2 bilion, Kerajaan Sarawak bagi tanah 200 hektar secara percuma

WILLIAM CHAN

TANJUNG MANIS, Khamis — Sebagai penghargaan terhadap inisiatif pelabur Taiwan untuk membina sebuah Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R & D) bagi membangunkan industri akuakultur di Taman Halal Tanjung Manis, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan tapak tanah seluas 200 hektar secara percuma.

Perkara ini diumumkan oleh Ketua Menteri Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud dalam ucapan beliau semasa majlis Pecah Tanah Taman Halal Tanjung Manis — Bidang Pertama di sini hari ini.

Penghargaan itu wajar, jelasnya, memandangkan presiden syarikat pelabur Taiwan itu iaitu Kumpulan Syarikat Sea Party International Dr Ray Lin merupakan seorang pemimpin muda yang beriltizam penuh kemurnian untuk membangunkan industri akuakultur dengan memberi penekanan juga kepada pertumbuhan modal insan yang bakal dimanfaatkan oleh para pekerja tempatan.

Sambil menyifatkan Sea Party sebagai rakan kongsi "bertanggungjawab" beliau yakin masa depan usaha penternakan ikan tilapia yang berkualiti tinggi selain udang dan produk klorela, pengeluaran kolagen halal dan gelatin akan meletakkan usaha pengeluaran makanan dari Sarawak setaraf dengan piawai antarabangsa.

Kata Pehin Sri Taib, iltizam yang ditunjukkan oleh Sea International dari Taiwan itu jelas memantapkan kejujuran pelabur asing itu kerana yakin dengan kestabilan politik dan ekonomi negeri Sarawak.

Selain berhasrat untuk membina Pusat R & D pelabur Taiwan itu juga menawarkan sepuluh biasiswa kepada pelajar Malaysia (dua orang dari Sarawak) bagi memperoleh program Sarjana Akuakultur dari National Taiwan Ocean University (NTOU).

Dalam program itu graduan Malaysia itu akan diserapkan sebagai staf Sea Party dan akan membantu dalam pembangunan industri akuakultur di Sarawak, khususnya dan di Malaysia amnya.

Pehin Sri Taib menjelaskan juga bahawa segala kejayaan tidak akan tercapai tanpa keprihatinan wakil rakyat di kawasan berkenaan seperti yang ditunjukkan oleh Ahli Parlimen Tanjung Manis Datuk Hajah Nora Tun Abdul Rahman yang telah bertungkus lumus mengetahui satu rombongan dari kalangan usahawan Malaysia dan syarikat-syarikat laut dalam melawat Taiwan pada April 2009 dengan kerjasama Pusat Persahabatan dan Perdagangan Malaysia (MFTC) di Taiwan.



BEGITU CARANYA ... Pehin Sri Taib tekun melihat bagaimana kerja tenunan dilakukan sambil disaksikan (dari kanan) Datu Len, Datuk Hajah Nora, Datuk Patinggi Jabu dan Datuk Amar Awang Tengah di Tanjung Manis, semalam. • AWANG KUSHAIRY JUNAIDI

Kawalan sempadan S'wak-Kalimantan dipertingkatkan

KUCHING, Khamis — Polis Diraja Malaysia meningkatkan kawalan di semua pintu masuk utama dari Kalimantan Barat ke Sarawak sebagai langkah berjaga-jaga ekoran ancaman satu kumpulan pelampau Indonesia untuk menyerang Malaysia hari ini.

Pesuruhjaya Polis Sarawak Datuk Mohamad Salleh berkata kawalan oleh anggota Pasukan Gerakan Am ditambah bermula hari ini khasnya di pos sempadan Tebedu dan Serikin selain di beberapa jalan keluar masuk haram di sempadan Sarawak dan Kalimantan.

"Setakat ini kita tidak ada menerima sebarang laporan pergerakan masuk kumpulan dikenali Bendera

itu," katanya kepada pemberita selepas pada majlis Perhimpunan Bulanan Polis Kontinjen Sarawak dan Majlis Ramah Tamah Aidilfitri di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak di sini hari ini.

Mohamad berkata polis juga akan membuat beberapa sekatan di jalan-jalan utama keluar masuk ke sempadan negeri itu selain membuat pemantauan di kawasan perindustrian dan perladangan yang banyak menggunakan khidmat tenaga kerja Indonesia.

Katanya pasukan polis dari bahagian Jabatan Siasatan Jenayah telahpun membuat pemantauan dan setakat ini tidak ada sebarang kejadian luar biasa yang berlaku di

kawasan terbabit.

Mengenai penduduk Sarawak yang mahu ke Kalimantan, Mohamad berkata keadaan di Pontianak ketika ini adalah tenang dan tidak ada kejadian yang menunjukkan wujudnya aktiviti anti-Malaysia.

Konsul Malaysia di Pontianak M.Zairi M.Basri ketika dihubungi Bernama berkata keadaan di Pontianak ketika ini adalah tenang dan tidak ada kejadian yang menunjukkan wujudnya aktiviti anti-Malaysia.

Katanya berdasarkan kepada pemantauan di terminal bas utama Pontianak semalam kerana ada syarikat menyediakan perkhidmatan pengangkutan dari Pontianak ke Kuching, tidak ada perkara luar biasa yang

berlaku.

"Keadaan di sini aman dan tiada aktiviti luar biasa yang melibatkan kempen Bendera walaupun kita difahamkan Bendera ada anggotanya di sini," kata Zairi.

Terdapat kira-kira 200 rakyat Malaysia di Pontianak terdiri daripada pekerja selain ahli perniagaan yang sering berulang alik dari Pontianak ke Malaysia.

"Tidak ada masalah ini sini. Hujung minggu ini kita akan mengadakan majlis rumah terbuka Malaysia di Pontianak dan kita jemput sekal Gabenor Kalimantan Barat kerana hubungan Malaysia dan Indonesia di sini cukup baik," katanya.

— Bernama

R & D akuakultur ditubuh

DARI MUKA 1

Hasil dari lawatan itu telah menyaksikan persetujuan NTOU ber-setuju membantu selain Pusat Sains dan Biodiversiti dan Sea Party International.

Dalam pesanan beliau kepada penduduk tempatan Tanjung Manis Pehin Sri Taib mengingatkan mereka agar jangan sekali-kali memandang remeh tentang pembangunan pendidikan kerana hanya dengan ilmu saja masyarakat tempatan dapat bersaing dalam iklim pasaran global yang kian sengit saban hari.

Sehubungan itulah, katanya, beliau tidak mahu sebarang kemelesetan dalam kualiti pendidikan dalam institusi pengajian tinggi di negeri ini, termasuk pusat pemban-

gunan kemahiran dan seumpamanya.

Beliau juga memberi jaminan pembangunan Tanjung Manis tidak akan mengkesampingkan soal alam sekitar kerana tidak mahu beliau kawasan berkenaan pada suatu ketika nanti akan tercemar akibat pembangunan.

Dalam hal itulah beliau memberi penekanan kepada teknologi hijau yang diamalkan di seluruh dunia ketika ini, tambahnya.

Dalam satu sidang media selepas upacara pecah tanah beliau memberitahu selain Taiwan, akan muncul lebih ramai lagi pelabur dari Jepun, Timur Tengah, Bangladesh dan lain-lain.

Beliau yakin SCORE akan berkembang maju seperti yang beliau impikan.